

**Teks Ucapan Perasmian**  
**Sambutan Hari Guru Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial**  
**Tahun 2010**

---

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.

Yang Berusaha Prof Madya Dr Haji Mohd Yusof Abdullah

Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial

Pegawai-Pegawai Utama UMS

Dekan-Dekan dan Pengarah-Pengarah Institut

Ketua-Ketua Jabatan

Para Pelajar

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita diberikan kesempatan untuk berhimpun bagi menjayakan Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) 2010 pada malam ini.

Setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, khususnya kepada Prof Madya Dr Haji Mohd Yusof Abdullah, Dekan SPPS kerana telah bertungkus-lumus bersama bersama ahli jawatankuasa yang terdiri daripada kalangan ahli Persatuan Mahasiswa Pendidik (PERMADIK) bagi memastikan kelancaran penganjuran majlis yang amat besar ertinya kepada seluruh warga pendidik. Saya dimaklumkan bahawa Sambutan Hari Guru SPPS tahun 2010 ini merupakan kali kedua diadakan setelah kali terakhir diraikan lapan tahun yang lalu iaitu tahun 2001. Oleh itu, saya secara peribadi mengharapkan agar sambutan penuh bermakna seumpama ini dapat diteruskan dan dianjurkan lebih kerap bahkan boleh menjadi acara tahunan

bukan sahaja di peringkat Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial malah melibatkan seluruh warga Universiti Malaysia Sabah.

Para hadirin sekalian,

Sesungguhnya, guru memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan individu dan pencapaian matlamat pendidikan negara. Setiap insan yang pernah mendapat suluhan ilmu daripada seorang guru pastinya akan menghargai betapa besar sumbangan guru dalam setiap kejayaan yang dilakar. Hari ini saya ingin merekodkan penghargaan saya kepada warga guru yang sentiasa komited dalam menggalas amanah mendidik anak bangsa dan mendokong matlamat dasar pendidikan kebangsaan, iaitu untuk memupuk perpaduan, memacu kemajuan dan membentuk keperibadian insan yang mulia.

Alhamdulillah, berkat komitmen warga guru, kita telah berjaya mencipta pelbagai kejayaan dalam bidang pendidikan. Hari ini dengan kemudahan akses yang disediakan dalam bidang pendidikan di peringkat rendah, menengah dan peringkat pengajian tinggi, kita telah berjaya menyediakan peluang pendidikan formal kepada setiap warganegara. Ini adalah satu pencapaian penting dalam proses pendemokrasian pendidikan di negara kita. Kemajuan yang dicapai dalam bidang pendidikan selama lebih lima dekad yang lalu juga telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum. Pencapaian ini sekali gus membantu menjayakan agenda pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat, pembangunan negara dan pengukuhan perpaduan.

Di peringkat antarabangsa, negara kita juga telah diiktiraf sebagai antara negara yang paling berjaya dalam mencapai matlamat pendidikan untuk semua. Saya percaya, segala kejayaan ini tidak akan terlakar tanpa komitmen dan kesungguhan para guru dalam melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi, dengan penuh rasa tanggungjawab untuk berbakti kepada pertiwi.

Namun, segala kejayaan ini tidak seharusnya melekakan kita. Benar kita telah mencipta banyak kejayaan, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita boleh selesa berpeluk tubuh mengharapkan setiap kejayaan yang dicipta pada masa lalu akan berulang dengan sendirinya di masa hadapan. Hakikatnya, kita sedang menghadapi pelbagai cabaran baru

yang menuntut supaya kita sentiasa meneroka pendekatan terkini, melakukan inovasi dan berusaha untuk melangkaui sempadan kecemerlangan.

Tuan-tuan dan para hadirin sekalian,

Cabaran pertama ialah untuk meningkatkan kualiti dan ekuiti dalam pendidikan. Dalam sebuah negara yang menjanjikan kemakmuran untuk semua, komitmen kerajaan ialah untuk memastikan setiap warganegara berhak untuk mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti. Ini bermakna usaha berterusan mesti dilakukan untuk menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan prestasi setiap sekolah serta merapatkan jurang pencapaian murid tanpa mengira lokasi dan wilayah.

Kedua, meraikan kepelbagaian dan pada masa yang sama memperkuuhkan perpaduan dalam sebuah masyarakat majmuk yang sedang melalui proses perubahan nilai sosial dan politik yang ketara. Adalah menjadi hasrat dasar pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum melalui sistem pendidikan yang mengutamakan perkongsian nilai, budaya dan cita-cita bersama.

Sementara kita melihat kepelbagaian sebagai sumber kekuatan Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, kita juga perlu memperkuuhkan perpaduan melalui sistem pendidikan kebangsaan yang inklusif dan dinamik. Justeru, cabaran besar bagi setiap guru ialah untuk muncul sebagai kuasa pemersatu yang jitu (the binding force of unity) yang berperanan mendidik murid tanpa mengira kaum, menghargai sejarah pembinaan negara bangsa, memahami kepelbagaian dan menjunjung aspirasi perpaduan selaras dengan semangat dan cita-cita 1Malaysia. Dalam usaha meningkatkan perpaduan berbilang kaum, di peringkat awal persekolahan lagi kita telah memupuk jati diri murid melalui kurikulum, program ko-kurikulum dan sukan. Sehubungan itu, guru sebagai pendidik perlu memastikan diri mereka bersedia untuk berusaha lebih inovatif, proaktif, mampu mencipta kelainan dan menjadi contoh teladan yang baik untuk memupuk nilai-nilai jati diri kepada murid-murid menerusi proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini tentunya menuntut perancangan dan pelaksanaan yang cekap daripada para guru agar pendidikan mampu menjadi wahana perpaduan yang berkesan.

Ketiga, meningkatkan daya saing negara di persada antarabangsa dalam iklim persaingan global yang semakin sengit. Berhadapan dengan cabaran ini, keutamaan kita ialah untuk

mempersiapkan generasi muda dengan kualiti yang diperlukan supaya mereka boleh bersaing di persada antarabangsa. Di samping itu, jangan kita lupa bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan prestasi dan kualiti sistem pendidikan kita perlu dilakukan secara berterusan kerana pada masa yang sama kita juga menghadapi persaingan dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi di negara-negara maju yang meletakkan penanda aras baru kecemerlangan pendidikan. Pendek kata, dalam era globalisasi kini kita harus menerima hakikat bahawa pendidikan tidak lagi berfungsi sekadar untuk mengisi keperluan tempatan, tetapi memenuhi tuntutan global.

Dalam mengharungi cabaran-cabaran ini, kita perlu bersedia untuk melakukan pembaharuan dan pemugaran dalam sistem pendidikan melalui inovasi dasar dan strategi yang berterusan. Dasar dan strategi yang telah terbukti berjaya pada masa lampau, tidak semestinya berkesan untuk masa kini dan masa hadapan. Justeru, sistem pendidikan kita mestilah sentiasa dinamik dan progresif serta bersedia untuk melalui proses perubahan dan pembaharuan seiring dengan peredaran zaman.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Menyelami setiap cabaran yang mesti diharungi oleh guru dalam memenuhi tuntutan kemajuan negara dan membentuk keperibadian insan yang mulia, saya memahami bahawa guru sebenarnya memikul amanah yang besar. Melaksanakan amanah ini pula bukanlah satu tugas yang mudah. Harapan masyarakat terhadap guru amat tinggi dan cabaran yang dihadapi bukannya sedikit. Saya ingin menegaskan bahawa guru sebagai pendidik telah terbukti memainkan peranan utama dalam membina negara bangsa. Para guru perlulah berfikiran global dan bertindak secara terarah dengan menjadikan bidang keguruan sebagai wadah untuk membentuk warganegara dengan ciri-ciri individu dan masyarakat bangsa Malaysia. Adalah menjadi harapan masyarakat, para guru memainkan peranan membentuk jati diri murid yang kukuh, berdaya saing, berkeyakinan tinggi dan berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai sejahtera, seterusnya menjadikan anak didik sebagai warganegara global yang mampu bersaing seiring dengan kepesatan dunia. Justeru, negara akan hilang daya saing dan ketinggalan dari kemajuan global sekiranya para guru tidak menjalankan tugas secara jujur, ikhlas dan penuh tanggungjawab.

Di samping itu, kecekapan dan keberkesanan guru juga dituntut menerusi aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan semangat patriotik, menanamkan sifat hormat-menghormati dan peka terhadap sensitiviti masyarakat pelbagai kaum. Pelaksanaan program-program ini menuntut kerjasama dan komitmen guru untuk menerapkan elemen perpaduan dan ini membuktikan bahawa sekolah adalah tapak semai yang terbaik untuk menyuburkan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada para guru atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan selama ini. Saya percaya para guru akan sentiasa berusaha dan beriltizam untuk melonjakkan kecemerlangan sistem pendidikan agar ianya mampu melahirkan negara bangsa mengikut acuan kita.

Seterusnya dalam dunia tanpa sempadan yang semakin mencabar ini, negara amat memerlukan modal insan berkualiti yang boleh menggalas aspirasi serta misi nasional ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Dalam konteks ini, sebagai pendidik yang berdedikasi dan sentiasa bersedia menerima perubahan, guru adalah pemangkin kepada transformasi yang diperkenal dan dilaksanakan oleh kerajaan dalam memenuhi agenda pendidikan ke arah melahirkan modal insan yang memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bermatlamat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

Guru itu umpama lautan luas

Menghampar ilmu tak terbatas

Bagai hampasan keras gelombang

Kepada murid mendamai tenang

Guru itu laksana gunung agung

Tinggi berbukit sabar iktibar

Persis batu dan pasir terdampar

Tugasnya mulia mendidik mengajar

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis sambutan Hari Guru pada tahun ini, terutamanya kepada warga Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS. Marilah kita bersama-sama menadah tangan memohon keizinan dan keredaan Allah SWT supaya segala cita-cita dan usaha kita dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan membina negara bangsa yang sejahtera dan harmoni diberkati dan dipermudahkan oleh-Nya. Dengan lafaz bismillah, saya secara merasmikan sambutan Hari Guru Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah bagi tahun 2010.

Sekian. "Selamat Hari Guru, Terima kasih Cikgu".

wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.